




# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI PERLIS**

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013**

---

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI PERLIS**

**SIRI 1**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia	3
PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS Modern Spectrum Sdn. Bhd.	20
<b>PENUTUP</b>	37





---

## KATA PENDAHULUAN



## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perlis.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2013 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di satu Jabatan dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
31 Januari 2014



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

#### - Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia

**1.1.** Sijil Pengesahan Halal Malaysia (Sijil Halal) merupakan dokumen rasmi yang mengesahkan status halal sesuatu makanan, minuman, premis, barang, aktiviti atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Di Negeri Perlis, Sijil Pengesahan Halal Malaysia diuruskan pengeluarannya oleh Bahagian Penyelidikan Dan Hub Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs). Fungsi bahagian ini ialah membuat pemeriksaan di premis, kedai makanan dan minuman, hotel, kilang memproses makanan dan rumah tumpangan di Negeri Perlis untuk memastikan bahan yang digunakan adalah halal bagi kegunaan umat Islam. Berdasarkan Manual JAKIM, terdapat 6 kategori pemohon yang layak memohon sijil halal iaitu pengeluar/pengilang produk, pengedar/penjual, pengeluar sub kontrak, pengusaha pembungkusan semula, premis makanan dan rumah sembelihan.

**1.2.** Pekelingiling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1 Tahun 2011 menetapkan hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri sahaja yang boleh mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Sekiranya terdapat pihak lain yang mengeluarkannya, tindakan denda dan penjara di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 boleh dikenakan. JAIPs menggunakan Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia JAKIM dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) sebagai panduan pengurusan pengeluaran Sijil Halal. Mulai tahun 2007, kaedah pengurusan dan permohonan Sijil Halal telah dilaksanakan oleh JAKIM melalui sistem e-Halal manakala di Negeri Perlis pada 24 September 2012.

**1.3.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2013 mendapati pada amnya Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia oleh JAIPs adalah memuaskan. Ia boleh dipertingkatkan lagi sekiranya kelemahan yang dijelaskan dalam perenggan berikut diambil perhatian sewajarnya:

- Terdapat kes-kes di mana permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia lewat diproses serta lewat dikeluarkan oleh JAKIM.
- Pemantauan dan penguatkuasaan tidak dijalankan secara berkala menyebabkan terdapat kes-kes di mana:
  - Pengusaha mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang tamat tempoh.
  - Penggunaan Logo Halal Malaysia pada produk tanpa kelulusan.
  - Pengusaha menggunakan bahan ramuan yang tidak mempunyai Sijil Halal.

- Pengusaha tidak menjaga kebersihan premis, pekerja, peralatan dan produk.
- Pengurusan Akaun Amanah, terimaan dan bayaran tidak mengikut peraturan kewangan sepenuhnya.

**1.4.** Pada keseluruhannya, pengurusan pengeluaran Sijil Pengesahan Dan Logo Halal Malaysia oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) adalah memuaskan. Ia boleh ditambah baik dengan memastikan perkara berikut diambil tindakan sewajarnya:

**1.4.1.** Pegawai JAIPs di Bahagian Penyelidikan Dan Hub Halal hendaklah memberi keutamaan terhadap tugas memproses permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia menerusi sistem e-Halal supaya kelulusan dapat diberi dalam tempoh masa ditetapkan.

**1.4.2.** JAIPs hendaklah membuat pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan ke premis yang telah dikeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia secara mengejut, berjadual dan berterusan bagi memastikan pengusaha mematuhi semua syarat-syarat dan undang-undang berkaitan status halal sesuatu produk dan kebersihannya dipatuhi sepenuhnya.

**1.4.3.** JAIPs hendaklah mewujudkan jawatan Pegawai Teknologi Makanan, sekiranya perlu, bagi membantu mempercepatkan proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia dan pemantauan.

**1.4.4.** Pegawai JAIPs di Bahagian Kewangan diberi latihan secukupnya bagi memastikan pengurusan kewangan dijalankan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

**1.4.5.** Bantuan khidmat nasihat wajar diberi kepada pemohon untuk menyegerakan proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia tanpa membelakangkan prosedur sedia ada.

## **2. PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS**

- Modern Spectrum Sdn. Bhd.

**2.1.** Modern Spectrum Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan). Syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 4 Januari 1992. Pada tahun 2012, modal dibenarkan berjumlah RM1.0 juta manakala modal berbayar berjumlah RM0.75 juta. Aktiviti utama Syarikat tertumpu dalam bidang kejuruteraan awam, melibatkan aktiviti pembinaan bangunan dan jalan. Syarikat didaftarkan sebagai kontraktor Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Kelas A manakala dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G7.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Julai 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan Syarikat adalah baik manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporatnya adalah kurang memuaskan. Keuntungan sebelum cukai Syarikat pada tahun 2012 telah meningkat kepada RM0.79 juta berbanding RM0.22 juta pada tahun

2011 dan RM0.35 juta pada tahun 2010. Margin Keuntungan Bersih Sebelum Cukai meningkat pada tahun 2012 dengan peratus keuntungan meningkat kepada 68.1% berbanding 3.4% pada tahun 2011 dan 2.7% pada tahun 2010. Baki ekuiti pada 31 Disember 2012 meningkat kepada RM1.75 juta berbanding jumlah modal Syarikat yang dilaburkan berjumlah RM0.75 juta. Nilai ekuiti Syarikat pada tahun 2012 juga turut meningkat kepada RM2.30 sesaham berbanding RM1.50 dan RM1.30 sesaham pada tahun 2011 dan 2010. Bagaimanapun, masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi kewangan Syarikat. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Nisbah Semasa kurang daripada 2:1 menunjukkan aset semasa Syarikat sekadar berupaya menampung keseluruhan liabiliti semasa sahaja.
- Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat berada pada tahap kurang memuaskan di mana Nisbah Pulangan Ke Atas Aset pada tahun 2010 dan 2011 adalah pada kadar 0.04:1 manakala 0.17:1 pada tahun 2012.
- Kegagalan Syarikat mendapat projek baru sejak tahun 2011 hingga Jun 2013 boleh menjelaskan pendapatan tahun semasa.
- Tadbir urus korporat dan kawalan dalaman pengurusan kewangan Syarikat perlu diberi perhatian sewajarnya dan dipertingkatkan.

**2.3.** Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Syarikat adalah baik manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Bagi mempertingkatkan tahap pencapaian pengurusan Syarikat, adalah disyorkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Syarikat mengambil tindakan seperti berikut:

**2.3.1.** Mempelbagaikan aktiviti yang dapat meningkatkan pendapatan dan seterusnya keuntungan Syarikat.

**2.3.2.** Memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik.

**2.3.3.** Mengemas kini prosedur kerja meliputi pengurusan kewangan selaras dengan peraturan yang ditetapkan bagi mengurus pendapatan dan perbelanjaan serta aset semasa dengan lebih teratur dan mengikut peraturan.





---

## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



# **AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

## **JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM**

### **1. PENGURUSAN PENGELOUARAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA**

#### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Sijil Pengesahan Halal Malaysia (Sijil Halal) merupakan dokumen rasmi yang mengesahkan status halal sesuatu makanan, minuman, premis, barang, aktiviti atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Di Negeri Perlis, Sijil Pengesahan Halal Malaysia diuruskan pengeluarannya oleh Bahagian Penyelidikan Dan Hub Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs). Fungsi bahagian ini ialah membuat pemeriksaan di premis, kedai makanan dan minuman, hotel, kilang memproses makanan dan rumah tumpangan di Negeri Perlis untuk memastikan bahan yang digunakan adalah halal bagi kegunaan umat Islam. Berdasarkan Manual JAKIM, terdapat 6 kategori pemohon yang layak memohon sijil halal iaitu pengeluar/pengilang produk, pengedar/penjual, pengeluar sub kontrak, pengusaha pembungkusan semula, premis makanan dan rumah sembelihan.

**1.1.2.** Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1 Tahun 2011 menetapkan hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri sahaja yang boleh mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Sekiranya terdapat pihak lain yang mengeluarkannya, tindakan denda dan penjara di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 boleh dikenakan. JAIPs menggunakan Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia JAKIM dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) sebagai panduan pengurusan pengeluaran Sijil Halal. Mulai tahun 2007, kaedah pengurusan dan permohonan Sijil Halal telah dilaksanakan oleh JAKIM melalui sistem e-Halal manakala di Negeri Perlis pada 24 September 2012.

**1.1.3.** Peruntukan yang diperolehi oleh JAIPs untuk pengurusan pengeluaran Sijil Halal bagi tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM298,805 manakala perbelanjaan berjumlah RM285,291. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Pengurusan Pengeluaran**  
**Sijil Pengesahan Halal Malaysia Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013**

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>	<b>Perbelanjaan (RM)</b>
2011	79,000	76,933
2012	100,000	94,036
2013	119,805	114,322
<b>Jumlah</b>	<b>298,805</b>	<b>285,291</b>

Sumber: Rekod JAIPs

**1.1.4.** Berdasarkan daftar JAIPs, kedudukan permohonan dan pengeluaran Sijil Halal bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Kedudukan Permohonan Dan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Jumlah Permohonan Sijil Halal	Jumlah Pengeluaran Sijil Halal
2011	18	9
2012	17	7
2013	32	13
<b>Jumlah</b>	<b>67</b>	<b>29</b>

Sumber: Rekod JAIPs

**1.1.5.** Kutipan hasil pengurusan pengeluaran Sijil Halal bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM15,740 iaitu RM1,800 pada tahun 2011, RM4,550 pada tahun 2012 dan RM9,390 pada tahun 2013.

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan telah dijalankan dengan sempurna.

## **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pengurusan pengeluaran Sijil Halal bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan pensijilan halal dengan memberi tumpuan kepada proses permohonan pensijilan halal, pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JAIPs. Semakan Audit dijalankan terhadap dokumen dan rekod berkaitan di JAIPs bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Perbincangan dan temu bual turut diadakan dengan pegawai yang terlibat untuk mendapat penjelasan berhubung aktiviti pengurusan pensijilan halal. Selain itu, lawatan ke premis yang telah dan sedang memohon untuk mendapatkan Sijil Halal turut diadakan.

## **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2013 mendapati pada amnya Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia oleh JAIPs adalah memuaskan. Ia boleh dipertingkatkan lagi sekiranya kelemahan yang dijelaskan dalam perenggan berikut diambil perhatian sewajarnya:

- Terdapat kes-kes di mana permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia lewat diproses serta lewat dikeluarkan oleh JAKIM.

- Pemantauan dan penguatkuasaan tidak dijalankan secara berkala menyebabkan terdapat kes-kes di mana:
  - Pengusaha mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang tamat tempoh.
  - Penggunaan Logo Halal Malaysia pada produk tanpa kelulusan.
  - Pengusaha menggunakan bahan ramuan yang tidak mempunyai Sijil Halal.
  - Pengusaha tidak menjaga kebersihan premis, pekerja, peralatan dan produk.
- Pengurusan Akaun Amanah, terimaan dan bayaran tidak mengikut peraturan kewangan sepenuhnya.

#### **1.4.1. Prestasi Pengurusan Aktiviti Pensijilan Halal**

**1.4.1.1.** Berdasarkan Laporan Statistik Status Sijil Halal JAIPs, sebanyak 67 permohonan Sijil Halal telah diterima pada tahun 2011 hingga 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 atau 43.3% permohonan telah dikeluarkan Sijil Halal, sebanyak 3 atau 4.5% telah ditolak manakala sebanyak 35 atau 52.2% permohonan belum diluluskan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**

**Kedudukan Permohonan Dan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia**

Tahun	Bil. Permohonan	Bil. Pengeluaran Sijil Halal Mengikut Tahun					Bil. Permohonan Yang Ditolak		Permohonan Yang Belum Diluluskan	
		2011	2012	2013	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
2011	18	9	-	-	9	50.0	0	0	9	50.0
2012	17	-	7	-	7	41.2	0	0	10	58.8
2013	32	-	-	13	13	40.6	3	9.4	16	50.0
<b>Jumlah</b>	<b>67</b>	<b>9</b>	<b>7</b>	<b>13</b>	<b>29</b>	<b>43.3</b>	<b>3</b>	<b>4.5</b>	<b>35</b>	<b>52.2</b>

Sumber: Rekod JAIPs

**1.4.1.2.** Analisis Audit mendapati bilangan permohonan yang belum diluluskan Sijil Halal meningkat setiap tahun. Semakan Audit seterusnya mendapati permohonan yang masih belum mendapat Sijil Halal tersebut kerana beberapa sebab seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**

**Status Permohonan Yang Belum Mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia**

Bil.	Status Permohonan	Bil. Kes
1.	Borang permohonan tidak lengkap	12
2.	Borang permohonan sedang diproses	9
3.	Pembetulan ketidakakurran (NCR) belum diambil tindakan	6
4.	Tiada maklum balas	2
5.	Pemohon menarik diri	2
6.	Premis tidak beroperasi	1
7.	Pindah fail	1
8.	Pengubahsuaian premis	1
9.	Belum bersedia untuk lawatan JAIPs	1
<b>Jumlah</b>		<b>35</b>

Sumber: Rekod JAIPs

**1.4.1.3.** JAIPs bertanggungjawab memproses borang permohonan Sijil Halal sehingga peringkat kelulusan. Seterusnya, maklumat kelulusan tersebut akan disalurkan kepada JAKIM untuk tujuan pengeluaran Sijil Halal. Aliran Kerja Proses Pensijilan Halal Malaysia JAIPs menetapkan bahawa permohonan yang diterima dengan lengkap hendaklah diproses dalam tempoh 1 hingga 5 hari bekerja.

**1.4.1.4.** Semakan Audit terhadap 62 fail permohonan mendapati 3 daripadanya telah lewat diproses di peringkat JAIPs antara 30 hingga 176 hari seperti di **Jadual 1.5**. Borang permohonan juga didapati tidak dicap dengan tarikh penerimaannya.

**Jadual 1.5**

**Kelewatan Memproses Borang Permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia**

Bil.	Nama Pemohon	Tarikh Borang Permohonan Diterima	Tarikh Borang Dikembalikan Kepada Pemohon Untuk Pembetulan	Kelewatan Memproses Borang Permohonan (Hari)
1.	Mega Dutamas Sdn. Bhd.	27.02.2012	02.04.2012	30
2.	HM Utara Enterprise	06.12.2011	02.02.2012	54
3.	Ebias Enterprise	03.05.2012	30.10.2012	176

Sumber: Rekod JAIPs

**1.4.1.5.** Borang permohonan lewat diproses disebabkan pegawai yang bertanggungjawab turut terlibat dengan program yang dianjurkan oleh JAIPs dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Selain itu, JAIPs tidak mempunyai Pegawai Teknologi Makanan untuk membuat pengesahan status halal sesuatu produk dan perlu mendapat bantuan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Perlis. Kelewatan JAIPs memproses borang permohonan yang diterima dengan segera boleh menjelaskan imej Jabatan selain memberi impak pengeluaran dan pemasaran produk halal kepada pemohon. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 Januari 2014, JAIPs memaklumkan ketiga-tiga permohonan telah dibuat secara manual. Aliran kerja proses permohonan sijil secara atas talian mula dilaksanakan di negeri Perlis pada 24 September 2012. Satu daripada permohonan tersebut telah mendapat sijil. Manakala 2 lagi permohonan masih belum mengemaskini permohonan secara atas talian.**

**1.4.1.6.** Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia JAKIM menyatakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia akan dikeluarkan dalam tempoh 5 hari selepas keputusan Mesyuarat Panel Pensijilan Halal JAIPs. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 29 Sijil Halal telah dikeluarkan oleh JAKIM kepada JAIPs. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tiga (3) Sijil Halal telah lewat dikeluarkan oleh JAKIM selama 27 hari. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 Januari 2014, JAIPs memaklumkan bahawa sistem e-Halal telah ditutup sementara bermula dari 15 hingga 31 Oktober 2013 disebabkan oleh perpindahan Bahagian Hub Halal JAKIM, Cyberjaya ke Menara JPH, Putrajaya. Semua permohonan dalam tempoh berkenaan telah mengalami kelewatan.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**  
**Sijil Pengesahan Halal Malaysia Lewat Dikeluarkan Oleh JAKIM**

Bil.	Nama Pemohon	Tarikh Kelulusan Panel Pengesahan Halal	Tarikh Sijil Diterima Daripada JAKIM	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	Hotel Seri Malaysia	01.11.2013	16.12.2013	27
2.	Advance Chicken Processing (M) Sdn. Bhd.	01.11.2013	16.12.2013	27
3.	TH Mineral Water Industries (M) Sdn. Bhd.	01.11.2013	16.12.2013	27

Sumber: Rekod JAIPs

#### **1.4.2. Pemantauan Dan Penguatkuasaan Terhadap Penggunaan Sijil Pengesahan Dan Logo Halal Malaysia**

Perenggan 7.4.4., Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) menghendaki JAIPs membuat pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan secara mengejut dan berkala terhadap semua premis pengusaha yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Selepas pemeriksaan dibuat, pegawai pemeriksa hendaklah meninggalkan notis peringatan/lawatan kepada syarikat. Pihak Audit telah menyertai pemeriksaan mengejut terhadap beberapa premis perniagaan dan pengeluar produk bersama-sama dengan pegawai JAIPs bagi memastikan pemegang Sijil Halal telah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Hasil lawatan Audit mendapati perkara berikut:

##### **1.4.2.1. Pengusaha Mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia Yang Telah Tamat Tempoh Serta Penggunaan Logo Halal Malaysia Pada Produk Yang Tidak Diluluskan**

- a. Mengikut Perenggan 7.4.6., Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua), adalah menjadi kesalahan besar sekiranya pengusaha mempamerkan Sijil Halal yang telah tamat tempoh atau menggunakan Logo Halal pada produk yang tidak dinyatakan dalam Sijil Halal. Kesalahan ini boleh menyebabkan Sijil Halal digantung dan dikemukakan kepada Panel Pengesahan Halal untuk keputusan muktamad. Perenggan 8.3.1. membenarkan pengusaha mengemukakan permohonan pembaharuan Sijil Halal 3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh.
- b. Lawatan Audit pada 23 September 2013 ke sebuah syarikat pengeluar air sarang burung mendapati pengusaha masih mempamerkan Sijil dan Logo Halal yang telah tamat tempoh pada 4 April 2013 di premis dan produk keluarannya. Pegawai JAIPs telah memberi peringatan kepada pengusaha untuk memperbaharui Sijil Halal dan mengarahkan supaya Logo Halal pada produk keluarannya ditutup. Butirannya adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

**Gambar 1.1**  
**Sijil Pengesahan Halal Malaysia**  
**Yang Telah Tamat Tempoh Masih Dipamerkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 23 September 2013


**Gambar 1.2**  
**Penggunaan Logo Halal Malaysia Yang Telah Tamat Tempoh Pada Produk**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 23 September 2013


- c. Pengusaha yang sama juga didapati telah meletakkan tanda Logo Halal pada produk baru keluaran mereka yang tidak terdapat dalam Sijil Halal yang diperolehi sebelumnya. JAIPs telah memberi peringatan kepada pengusaha untuk memohon Sijil Halal yang baru. Butirannya adalah seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**.

**Gambar 1.3**  
**Penggunaan Logo Halal Malaysia Pada Produk Tanpa Kelulusan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 23 September 2013

**Gambar 1.4**  
**Penggunaan Logo Halal Malaysia Pada Produk Tanpa Kelulusan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 23 September 2013

#### **1.4.2.2. Penggunaan Bahan Ramuan Yang Tidak Mempunyai Sijil Halal**


- a. Perenggan 5.1.1.i., Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) menyatakan ramuan yang berasaskan haiwan hendaklah disahkan halal oleh JAKIM/JAIPs atau badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf. Salinan Sijil Halal hendaklah dilampirkan sebagai bukti pengesahan halal. Mengikut Perenggan 7.4.6., kesalahan menukar atau menambah bahan ramuan yang telah diisyiharkan di dalam borang permohonan tanpa kebenaran bertulis daripada JAIPs juga merupakan kesalahan besar yang boleh dikenakan tindakan penggantungan Sijil Halal.
- b. Lawatan Audit pada 23 dan 25 September 2013 mendapati 2 pengusaha produk makanan telah menggunakan ramuan yang tidak mempunyai Sijil Halal. JAIPs telah memberi peringatan kepada pengusaha supaya menggunakan bahan yang halal dan mendapat kelulusan JAIPs. Produk bahan ramuan yang tiada Sijil Halal adalah seperti di **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.6**.

**Gambar 1.5**  
Penggunaan Bahan Ramuan  
Yang Tidak Mempunyai Sijil Halal



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 23 September 2013

**Gambar 1.6**  
Penggunaan Bahan Ramuan  
Yang Tidak Mempunyai Sijil Halal



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Padang Besar, Perlis  
Tarikh: 25 September 2013

#### 1.4.3. Pengusaha Tidak Menjaga Kebersihan Premis, Pekerja, Peralatan Dan Produk

**1.4.3.1.** Perenggan 6.1(i).., Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua) menyatakan, semasa penyediaan, pengendalian, pemprosesan, pembungkusan atau pemindahan, produk hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan tidak mengandungi bahan ramuan tidak halal mengikut hukum syarak. Kawasan kilang dan sistem sanitasi hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan bebas daripada pencemaran. Seksyen 33.1(f), Akta Makanan 1983 - Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 menyatakan pengendali makanan semasa mengendali, menyedia, membungkus, membawa, menyimpan, mempamer dan menghidang makanan hendaklah tidak memakai perhiasan diri, jam, pin atau aksesori yang lain. Senarai semak bagi lawatan Audit yang dijalankan oleh pegawai JAIPs menyatakan pekerja hendaklah sentiasa memakai kasut dan sarung tangan di tempat pembungkusan bahan makanan serta keseluruhan kawasan kilang.

**1.4.3.2.** Lawatan Audit bersama pegawai JAIPs pada 23 dan 25 September 2013 ke 4 buah premis pengeluar produk makanan dan bahan gunaan mendapati pengusaha telah melakukan beberapa ketidakakururan/kesalahan seperti di **Jadual 1.7**.

#### Jadual 1.7

Syarat-Syarat Pensijilan Halal Malaysia Bagi Produk Makanan Dan Bahan Gunaan Yang Tidak Dipatuhi Oleh Pengusaha

Bil.	Ketidakakururan/Kesalahan Yang Dilakukan	Bil. Ketidakakururan
1.	Kawasan pemprosesan makanan di tempat terbuka, terdedah kepada debu dan premis mudah dimasuki haiwan bukan peliharaan seperti di <b>Gambar 1.7</b> .	1
2.	Peralatan lama, kotor dan berkarat seperti di <b>Gambar 1.8</b> .	1
3.	Pekerja memakai perhiasan diri seperti jam tangan dan kerongsang semasa bekerja. Pekerja yang tercedera dan berplaster di jari tidak memakai sarung tangan semasa bekerja seperti di <b>Gambar 1.9</b> dan <b>Gambar 1.10</b> .	2
4.	Bahan ramuan disimpan di dalam peti sejuk bercampur dengan bahan yang telah digunakan. Peralatan yang digunakan juga tidak dibersihkan seperti di <b>Gambar 1.11</b> dan <b>Gambar 1.12</b> .	1
5.	Lantai bilik sejuk beku tidak diselenggara dan berkeadaan kotor. Peralatan mengadun tidak bersesuaian seperti di <b>Gambar 1.13</b> dan <b>Gambar 1.14</b> .	1

**Gambar 1.7**  
**Proses Pembuatan Roti**  
**Di Tempat Terbuka**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 September 2013

**Gambar 1.8**  
**Mesin Pengadun Roti**  
**Kotor Dan Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 September 2013

**Gambar 1.9**  
**Pekerja Memakai Perhiasan Diri**  
**Semasa Bekerja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 September 2013

**Gambar 1.10**  
**Pekerja Yang Cedera Tidak Memakai**  
**Sarung Tangan Dan Memakai Perhiasan**  
**Diri Semasa Bekerja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 September 2013



**Gambar 1.11**  
**Bahan Ramuan Disimpan Bercampur**  
**Dengan Bahan Yang Telah Digunakan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 September 2013

**Gambar 1.12**  
**Peralatan Tidak Dibersihkan Selepas Diguna**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kangar, Perlis

Tarikh: 23 September 2013

**Gambar 1.13**  
**Lantai Bilik Sejuk Beku Kotor  
Dan Tidak Diselenggara Dengan Baik**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Padang Besar, Perlis

Tarikh: 25 September 2013

**Gambar 1.14**  
**Penggunaan Peralatan Mengadun  
Yang Tidak Sesuai**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Padang Besar, Perlis

Tarikh: 25 September 2013

**1.4.3.3.** Lawatan Audit bersama pegawai JAIPs pada 5 dan 10 Disember 2013 ke 3 buah premis makanan pula mendapati ketidakakururan yang berlaku adalah seperti di **Jadual 1.8**.

**Jadual 1.8**

**Syarat-Syarat Pensijilan Halal Bagi Premis Makanan Yang Tidak Dipatuhi Oleh Pengusaha**

Bil.	Ketidakakururan/Kesalahan Yang Dilakukan	Bil. Ketidakakuruan
1.	Tong sampah diletakkan berhampiran dengan tempat memasak makanan dan <i>step dustbin</i> tidak digunakan bagi mengelakkan pencemaran silang seperti di <b>Gambar 1.15</b> .	3
2.	Keadaan lantai yang kotor, pecah dan licin seperti di <b>Gambar 1.16</b> .	3
3.	Penutup lampu di bahagian pemprosesan makanan tidak dipasang bagi mengelakkan sebarang bendasing jatuh ke dalam makanan.	3
4.	Kebocoran paip air di ruangan memasak.	1
5.	Pisau pemotong yang tidak dicuci disimpan di dalam bekas penyimpanan pisau seperti di <b>Gambar 1.17</b> .	1
6.	Peralatan memasak tidak disimpan dengan rapi dan hanya diletakkan di atas ketuhar.	1

Bil.	Ketidakakuran/Kesalahan Yang Dilakukan	Bil. Ketidakakuran
7.	Bahan mentah disimpan bersama dengan makanan yang telah diproses / sedia dihidang. Makanan sedia untuk dihidangkan tidak ditutup dengan plastik di dalam <i>chiller</i> seperti di <b>Gambar 1.18</b> dan <b>1.19</b> .	3
8.	Bahan minuman disimpan bersama dengan gas memasak yang digunakan untuk masakan <i>steamboat</i> seperti di <b>Gambar 1.20</b> .	1
9.	Barangan peribadi pekerja disimpan di tempat penyimpanan makanan.	2
10.	Buah yang telah busuk tidak diasingkan daripada buah yang elok seperti di <b>Gambar 1.21</b> .	2
11.	Peralatan memasak telah berkarat dan rosak seperti di <b>Gambar 1.22</b> dan <b>Gambar 1.23</b> .	2
12.	Stor penyimpanan bahan kering kotor dan tidak disusun dengan teratur. Plastik bahan ramuan tidak diikat semula selepas dibuka seperti di <b>Gambar 1.24</b> .	2
13.	Bahan makanan diletakkan di atas lantai tanpa menggunakan pelapik di stor penyimpanan bahan kering dan tidak ditutup seperti di <b>Gambar 1.25</b> .	2
14.	Pekerja memakai perhiasan diri seperti kerongsang dan tidak memakai sarung tangan semasa bekerja seperti di <b>Gambar 1.26</b> .	2
15.	Bahan ramuan telah dicemari oleh makhluk perosak seperti di <b>Gambar 1.27</b> .	1
16.	Sawang di bahagian dinding stor kering.	1
17.	Makanan dan bahan ramuan seperti roti, sos kacang soya manis, minyak zaitun, serbuk limau nipis, serbuk paprika dan sos tartae yang telah tamat tempoh disimpan bersama makanan lain seperti di <b>Gambar 1.28</b> dan <b>Gambar 1.29</b> .	1
18.	Penggunaan bahan ramuan yang telah dibatalkan Sijil Pengesahan Halal. Pembatalan pengiktirafan 2 badan Islam luar negara iaitu <i>Australian Federation Of Islamic Councils Inc.</i> (AFIC) dan <i>Australian Halal Food Services</i> (AHFS) berkuatkuasa mulai 15 Julai 2013 seperti di <b>Gambar 1.30</b> .	1

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 1.15**

**Tong Sampah Diletakkan Berhampiran  
Dengan Tempat Memasak Dan Tidak  
Menggunakan Dari Jenis Step Dustbin**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 10 Disember 2013

**Gambar 1.16**

**Keadaan Lantai Dapur Yang Kotor,  
Pecah Dan Licin**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 10 Disember 2013

**Gambar 1.17**  
**Pisau Pemotong Tidak Dicuci Selepas Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 5 Disember 2013

**Gambar 1.18**  
**Bahan Mentah Disimpan Bersama Makanan Separa Siap Di Dalam Chiller**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 5 Disember 2013

**Gambar 1.19**  
**Makanan Sedia Dihidangkan Tidak Ditutup Dengan Plastik Di Dalam Chiller**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 5 Disember 2013

**Gambar 1.20**  
**Bahan Minuman Disimpan Bersama Dengan Gas Memasak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 5 Disember 2013



**Gambar 1.21**  
**Buah Yang Rosak Dan Busuk Tidak Diasingkan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 5 Disember 2013

**Gambar 1.22**  
**Peralatan Memasak Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 5 Disember 2013

**Gambar 1.23**  
**Peralatan Memasak Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 10 Disember 2013

**Gambar 1.24**  
**Stor Penyimpanan Bahan Kering Kotor Dan Tidak Disusun Dengan Teratur**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 5 Disember 2013

**Gambar 1.25**  
**Bahan Makanan Diletakkan Di Atas Lantai Dan Tidak Ditutup**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Perlis, Perlis  
Tarikh: 5 Disember 2013

**Gambar 1.26**  
**Pekerja Tidak Memakai Sarung Tangan Semasa Bekerja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 10 Disember 2013

**Gambar 1.27**  
**Bahan Ramuan Yang Dicemari Makhluk Perosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 10 Disember 2013

**Gambar 1.28**  
Penggunaan Produk Yang Telah  
Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 10 Disember 2013

**Gambar 1.29**  
Penggunaan Produk Yang Telah  
Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 10 Disember 2013



**Gambar 1.30**  
Penggunaan Bahan Ramuan Yang Telah  
Dibatalkan Sijil Pengesahan Halal Oleh  
JAKIM Berkuatkuasa Mulai 15 Julai 2013

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kangar, Perlis  
Tarikh: 10 Disember 2013

**1.4.3.4.** Perenggan 7.4.6.a., Manual Prosedur Pensijilan Halal menetapkan kesalahan mengenai kebersihan premis, peralatan, pekerja, persekitaran dan kawalan makhluk perosak merupakan kesalahan kecil yang boleh diberi amaran dan arahan pembetulan oleh pegawai pemantauan. Seksyen 33(2), Akta Makanan 1983 pula menyatakan mananya pengendali makanan yang tidak mematuhi peraturan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun. Sehingga ke tarikh pengauditan, JAIPs telah memberi amaran dan arahan pembetulan serta lawatan susulan akan dibuat kemudian.

**1.4.3.5.** Perkara yang berlaku disebabkan pengusaha tidak mengamalkan kebersihan di tempat kerja selain tiada pemantauan berkala yang berterusan daripada JAIPs dan Agensi lain. Ini memberi kesan terhadap tahap kebersihan makanan yang tidak terjamin dan boleh mengundang penyakit kepada pengguna.

**1.4.3.6.** Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 Januari 2014, JAIPs memaklumkan tidak mempunyai pegawai yang bertanggungjawab untuk mengendalikan penguatkuasaan. Meskipun demikian, pada tahun 2014 JAIPs akan memperbanyakkan operasi pemantauan dan penguatkuasaan pensijilan halal kepada premis-premis yang mempunyai Sijil Halal setiap 2 bulan dengan kerjasama

bersepada daripada Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Bahagian Kesihatan Persekutuan, Pejabat Kesihatan Kangar, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Negeri Perlis, Jabatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Negeri Perlis, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengusaha yang telah dikeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah memuaskan.

#### 1.4.4. Syarat Pensijilan Halal Bagi Rumah Sembelihan

Pengendali rumah sembelihan hendaklah mematuhi Perenggan 5.5.2., Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua). Rumah sembelihan hendaklah bersih, menggunakan *stunning* yang dibenarkan oleh fatwa, penyembelihan dilakukan sekali sahaja serta pisau hendaklah bersih dan tajam. Pemeriksaan Audit mendapati pengusaha telah mematuhi kesemua syarat-syarat pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia setelah beberapa Laporan Ketidakakururan (NCR) dikeluarkan oleh JAIPs dibuat pembetulan. Pengusaha telah menerima Sijil Pengesahan Halal Malaysia pada bulan Disember 2013. Antara perkara yang dipatuhi oleh pengusaha adalah seperti di **Gambar 1.31** hingga **Gambar 1.33**.



**Gambar 1.31**  
**Pisau Digunakan Untuk Sembelihan**  
**Dibersihkan Dengan Air Yang Mengalir**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Arau, Perlis  
Tarikh: 25 September 2013

**Gambar 1.32**  
**Takungan Basuh Kaki**  
**Diisi Dengan Air Pembasmi Kumun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Arau, Perlis  
Tarikh: 25 September 2013

**Gambar 1.33**  
**Pekerja Memakai Pakaian**  
**Pelindung Semasa Bekerja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Arau, Perlis  
Tarikh: 25 September 2013

#### **1.4.5. Pengurusan Akaun Amanah, Terimaan Dan Bayaran Tidak Mengikut Peraturan Kewangan**

**1.4.5.1.** Seksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 memberi kuasa kepada Perbendaharaan Negeri untuk menubuhkan sesuatu Akaun Amanah setelah menerima permohonan rasmi daripada Jabatan. Pengurusan Akaun Amanah hendaklah berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Penyata Terimaan Dan Bayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara selewat-lewatnya sebelum atau pada 31 Mac tahun berikutnya. Arahan Perbendaharaan (AP)60(i) pula menghendaki Resit Rasmi Kew. 38 secara manual atau elektronik dikeluarkan sebagai akuan terima wang yang dibayar. Resit Rasmi hendaklah ditulis dengan menggunakan karbon 2 muka oleh pegawai yang diberi kuasa untuk menerima wang dalam apa juu bentuk terimaan dan ditandatangani oleh seorang pegawai lain.

**1.4.5.2.** Semakan Audit mendapati JAIPs telah menubuhkan Akaun Amanah Kebajikan Logo Halal Negeri Perlis tanpa melalui dan kelulusan Perbendaharaan Negeri Perlis. Akaun Amanah tersebut ditubuhkan pada 1 April 2010 dan ditandatangan sendiri oleh Pengarah JAIPs. Selain itu, semakan Audit mendapati pegawai yang bertanggungjawab menerima wang tidak diberi kuasa oleh Ketua Jabatan, Resit Rasmi asal yang dibatalkan tidak disimpan manakala Penyata Terimaan Dan Bayaran Akaun Amanah Kebajikan Logo Halal Negeri Perlis tidak disediakan sejak ia ditubuhkan pada tahun 2010. JAIPs juga didapati menggunakan Resit Rasmi khas untuk pengesahan penerimaan wang tanpa menggunakan Resit Rasmi Kew. 38 seperti ditetapkan. Oleh itu, pada pendapat Audit, kawalan terimaan dan bayaran pengurusan Sijil Pengesahan Halal Malaysia lemah dan tidak memuaskan.

**1.4.5.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 Januari 2014, JAIPs akan membuat permohonan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk menubuhkan Akaun Amanah Pengurusan Pengeluaran Sijil Halal Malaysia Negeri Perlis dan seterusnya menguruskannya mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.**

## **1.5. SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan pengeluaran Sijil Pengesahan Dan Logo Halal Malaysia oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) adalah memuaskan. Ia boleh ditambah baik dengan memastikan perkara berikut diambil tindakan sewajarnya:

**1.5.1.** Pegawai JAIPs di Bahagian Penyelidikan Dan Hub Halal hendaklah memberi keutamaan terhadap tugas memproses permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia menerusi sistem e-Halal supaya kelulusan dapat diberi dalam tempoh masa ditetapkan.

**1.5.2.** JAIPs hendaklah membuat pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan ke premis yang telah dikeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia secara mengejut, berjadual dan berterusan bagi memastikan pengusaha mematuhi semua syarat-syarat dan undang-undang berkaitan status halal sesuatu produk dan kebersihannya dipatuhi sepenuhnya.

**1.5.3.** JAIPs hendaklah mewujudkan jawatan Pegawai Teknologi Makanan, sekiranya perlu, bagi membantu mempercepatkan proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia dan pemantauan.

**1.5.4.** Pegawai JAIPs di Bahagian Kewangan diberi latihan secukupnya bagi memastikan pengurusan kewangan dijalankan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

**1.5.5.** Bantuan khidmat nasihat wajar diberi kepada pemohon untuk menyegerakan proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia tanpa membelakangkan prosedur sedia ada.

## **PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS**

### **2. MODERN SPECTRUM SDN. BHD.**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Modern Spectrum Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan). Syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 4 Januari 1992. Pada tahun 2012, modal dibenarkan berjumlah RM1.0 juta manakala modal berbayar berjumlah RM0.75 juta. Aktiviti utama Syarikat tertumpu dalam bidang kejuruteraan awam serta melibatkan aktiviti pembinaan bangunan dan jalan. Syarikat didaftarkan sebagai kontraktor Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Kelas A manakala dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G7.

**2.1.2.** Syarikat mempunyai 3 orang Ahli Lembaga Pengarah. Pengerusi adalah seorang ahli perniagaan dan bekas Exco yang mewakili Kerajaan Negeri manakala 2 orang Pengarah yang juga pegawai Agensi Negeri mewakili Perbadanan. Mulai bulan Januari 2013, pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Pengarah Syarikat yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perjalanan operasi harian setelah Pengarah Urusan meletak jawatan. Beliau dibantu oleh seramai 8 orang kakitangan di peringkat pengurusan dan di tapak pembinaan.

#### **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif penubuhannya.

#### **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama syarikat bertujuan menentukan wang yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan Perbadanan telah diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang diberi tumpuan adalah Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat Syarikat. Pengauditan dijalankan dengan meneliti dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2010 hingga 2012. Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 hingga tahun 2012 digunakan bagi analisis kewangan merangkumi analisis nisbah dan trend. Di samping itu, temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang berkenaan. Lawatan tapak juga dijalankan bagi mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai aktiviti Syarikat.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Julai 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan Syarikat adalah baik manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Keuntungan sebelum cukai Syarikat pada tahun 2012 telah meningkat kepada RM0.79 juta berbanding RM0.22 juta pada tahun 2011 dan RM0.35 juta pada tahun 2010. Margin Keuntungan Bersih Sebelum Cukai meningkat pada tahun 2012 kepada 68.1% berbanding 3.4% pada tahun 2011 dan 2.7% pada tahun 2010. Baki ekuiti pada 31 Disember 2012 meningkat kepada RM1.75 juta berbanding jumlah modal Syarikat yang dilaburkan berjumlah RM0.75 juta. Nilai ekuiti Syarikat pada tahun 2012 juga turut meningkat kepada RM2.30 sesaham berbanding RM1.50 dan RM1.30 sesaham pada tahun 2011 dan 2010. Bagaimanapun, masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi kewangan Syarikat. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Nisbah Semasa kurang daripada 2:1 menunjukkan aset semasa Syarikat sekadar berupaya menampung keseluruhan liabiliti semasa.
- Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat berada pada tahap kurang memuaskan di mana Nisbah Pulangan Ke Atas Aset pada tahun 2010 dan 2011 adalah 0.04:1 manakala pada tahun 2012 sebanyak 0.17:1.
- Kegagalan Syarikat mendapat projek baru sejak tahun 2011 hingga Jun 2013 boleh menjelaskan pendapatan tahun semasa.
- Tadbir urus korporat dan kawalan dalaman pengurusan kewangan Syarikat pada tahap kurang memuaskan.

### **2.4.1. Prestasi Kewangan**

Bagi menentukan prestasi kewangan Syarikat, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Berikut adalah hasil analisis Audit yang telah dijalankan:

#### **2.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Dalam tempoh tahun 2010 hingga 2012, pendapatan keseluruhan Syarikat berjumlah RM23.57 juta berbanding RM22.18 juta perbelanjaan. Analisis Audit terhadap pendapatan dan perbelanjaan Syarikat mendapati perkara seperti berikut:
  - i. Sumber pendapatan Syarikat terdiri daripada projek pembinaan yang dilaksanakan, komisen daripada projek yang dijalankan secara sub kontrak, jualan ayam kampung dan dedak, jualan pakaian secara dalam talian dan lain-lain pendapatan operasi. Pendapatan daripada projek pembinaan mewakili

RM2.31 juta atau 96.6% daripada jumlah pendapatan Syarikat tahun 2012 yang berjumlah RM2.39 juta. Pendapatan Syarikat pada tahun 2012 menunjukkan penurunan sejumlah RM4.69 juta atau 67% berbanding tahun 2011 disebabkan jumlah projek yang dilaksanakan berkurangan.


- ii. Perbelanjaan operasi Syarikat bagi tahun 2010 hingga 2012 berjumlah RM22.20 juta. Perbelanjaan operasi Syarikat yang utama pada tahun 2012 adalah bayaran gaji dan emolumen kakitangan berjumlah RM201,162 diikuti oleh emolumen Pengarah berjumlah RM55,167. Analisis Audit mendapati trend perbelanjaan menunjukkan penurunan pada setiap tahun iaitu RM6.32 juta atau 46.9% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Seterusnya pada tahun 2012, perbelanjaan mengalami penurunan sejumlah RM5.55 juta atau 77.7% berbanding tahun 2011. Faktor utama penurunan jumlah perbelanjaan ini disebabkan penurunan kos jualan sehingga 82% pada tahun 2012, seiring dengan penurunan jumlah projek yang dilaksanakan oleh Syarikat.
  - iii. Syarikat merekodkan keuntungan bersih sebelum cukai pada tahun 2012 berjumlah RM0.79 juta, meningkat sebanyak 257.9% berbanding RM0.22 juta pada tahun 2011 dan RM0.35 juta pada tahun 2010. Keuntungan bersih Syarikat pada tahun 2011 menurun berbanding tahun 2010 disebabkan faktor peningkatan kos penyenggaraan projek selain ketiadaan projek baru. Sebahagian besar keuntungan diperolehi daripada pelaksanaan projek pembinaan dan terimaan komisen daripada projek yang dijalankan secara sub kontrak.
  - iv. Keuntungan terkumpul Syarikat pada tahun 2012 meningkat kepada RM1.0 juta atau 158.5% berbanding RM0.39 juta pada tahun 2011 dan RM0.24 juta pada tahun 2010 ekoran peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 257.9%. Selain itu, kos jualan Syarikat pada tahun 2012 yang berjumlah RM1.16 juta adalah rendah berbanding RM6.49 juta pada tahun 2011, penurunan sebanyak 82.1%.
  - v. Jumlah cukai yang dikenakan pada tahun 2012 didapati meningkat dengan ketara sebanyak 225.7% kepada RM178,219 berbanding RM54,723 pada tahun 2011. Peningkatan ini seiring dengan peningkatan keuntungan sebelum cukai Syarikat pada tahun 2012.
- b. Maklumat kewangan Syarikat, Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan, Keuntungan Sebelum Cukai dan Keuntungan Terkumpul Syarikat bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.1**, **Carta 2.1** dan **Carta 2.2**.

**Jadual 2.1**  
**Maklumat Kewangan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
<b>Pendapatan</b>	<b>13,808,221</b>	<b>7,076,509</b>	<b>2,338,265</b>
(Tolak) : Kos Jualan	13,054,567	6,489,550	1,163,175
<b>Untung Kasar</b>	<b>753,654</b>	<b>586,959</b>	<b>1,175,090</b>
Tambah : Lain-lain Pendapatan Operasi	-	292,064	53,543
(Tolak) : Kos Jualan Dan Penghantaran	30,070	37,538	22,794
(Tolak) : Perbelanjaan Pentadbiran	242,257	329,621	332,068
(Tolak) : Lain-lain Perbelanjaan Operasi	126,588	280,482	72,124
<b>Keuntungan Daripada Operasi</b>	<b>354,739</b>	<b>231,382</b>	<b>801,647</b>
(Tolak) : Caj Kewangan	5,114	9,914	9,034
<b>Keuntungan Sebelum Cukai</b>	<b>349,625</b>	<b>221,468</b>	<b>792,613</b>
(Tolak) : Cukai	86,012	54,723	178,219
<b>Keuntungan Selepas Cukai</b>	<b>263,613</b>	<b>166,745</b>	<b>614,394</b>
(Tolak): Dividen Tahun 2010	-	20,000	-
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>240,767</b>	<b>387,512</b>	<b>1,001,906</b>


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

**Carta 2.1**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan**  
**Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

**Carta 2.2**  
**Trend Keuntungan Sebelum Cukai**  
**Dan Keuntungan Terkumpul Syarikat**  
**Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit, secara keseluruhananya kedudukan kewangan Syarikat adalah baik. Bagaimanapun, Syarikat perlu meningkatkan keupayaan mencari projek pembinaan baru untuk dilaksanakan di masa hadapan bagi memastikan kelangsungan pendapatan tahunannya.

#### 2.4.1.2. Analisis Aliran Tunai

- a. Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat untuk menaksir keupayaan Syarikat menjana tunai dan kesetaraan tunai serta penggunaannya. Ia menggambarkan kedudukan pertambahan atau pengurangan tunai pada tahun semasa. Analisis aliran tunai dibuat bertujuan mengukur kedudukan kecairan tunai dan keupayaan Syarikat menampung operasi bagi sesuatu tempoh selain menilai keupayaan dan daya majunya. Semakan Audit terhadap Penyata Aliran Tunai Syarikat bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 mendapati punca terimaan wang tunai dan penggunaannya adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**

**Aliran Tunai Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
1.	Aliran Tunai Masuk/Keluar Daripada Aktiviti Operasi	948,743	(48,665)	(34,044)
2.	Aliran Tunai Keluar Daripada Aktiviti Pelaburan	(573,052)	(43,146)	(37,761)
3.	Aliran Tunai Keluar Daripada Aktiviti Kewangan	(12,528)	(27,674)	(31,473)
4.	Pertambahan/Pengurangan Tunai Dan Setara Tunai	363,163	(119,485)	(103,278)
5.	Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	118,838	482,001	362,516
6.	Tunai Dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	482,001	362,516	259,238

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, kedudukan tunai dan setara tunai Syarikat pada akhir tahun adalah positif iaitu berjumlah RM0.48 juta, RM0.36 juta dan RM0.26 juta. Bagaimanapun, pegangan tunai pada akhir tahun 2012 menunjukkan penurunan berjumlah RM0.10 juta atau 27.8% berbanding tahun 2011. Ini disebabkan pada tahun 2012 terdapat aliran tunai keluar bersih daripada aktiviti operasi, pelaburan dan kewangan berjumlah RM0.10 juta.
- c. Analisis aliran tunai Syarikat daripada Aktiviti Operasi menyaksikan aliran keluar tunai pada tahun 2011 dan 2012 berjumlah RM0.05 juta dan RM0.03 juta berbanding aliran masuk tunai pada tahun 2010 sejumlah RM0.95 juta. Faktor utama aliran keluar tunai pada tahun 2011 dan 2012 antaranya disebabkan pembayaran balik hutang kontrak pembinaan masing-masing berjumlah RM0.89 juta dan RM0.63 juta serta hutang syarikat Pens Holdings Sdn. Bhd. dan Pens Industries Sdn. Bhd. bagi menjalankan kerja kontrak pembinaan jalan berjumlah RM1.85 juta dan RM0.69 juta.
- d. Penggunaan tunai bagi aktiviti pelaburan menunjukkan penurunan pada tahun 2011 dan 2012 berbanding tahun 2010 dengan aliran keluar tunai masing-masing berjumlah RM0.04 juta berbanding RM0.57 juta tahun 2010. Penggunaan tunai pada tahun 2011 didorong oleh pembelian hartanah dan peralatan berjumlah RM0.16 juta secara sewa beli melalui pembiayaan bank berjumlah RM0.12 juta. Pada tahun 2012

terdapat aliran tunai masuk berjumlah RM0.80 juta hasil daripada aktiviti penjualan saham.

- e. Pertambahan aliran tunai keluar dari aktiviti kewangan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM3,799 atau 13.7% disebabkan peningkatan pembayaran balik pinjaman dan faedah bagi 2 buah kenderaan Syarikat secara sewa beli.

**Pada pendapat Audit, kedudukan tunai dan setara tunai Syarikat pada akhir tahun 2012 adalah pada tahap memuaskan.**

#### **2.4.1.3. Analisis Nisbah Kewangan**

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, analisis nisbah kewangan telah dijalankan iaitu analisis Nisbah Semasa, Margin Keuntungan, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset dan Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti terhadap butiran yang ditunjukkan dalam penyata kewangan tahun 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2010	2011	2012
1.	Nisbah Semasa	1.07:1	1.17:1	1.64:1
2.	Margin Keuntungan	2.7%	3.4%	68.1%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.04:1	0.04:1	0.17:1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.27:1	0.15:1	0.35:1

Sumber: Analisis Audit

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa merupakan pendekatan yang digunakan untuk menilai kecairan sesebuah syarikat, iaitu sejauh mana kemampuan aset semasa boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Kedudukan nisbah antara aset dengan liabiliti semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kecairan yang tinggi. Semakin tinggi kecairan syarikat semakin baik prestasi syarikat. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Syarikat adalah pada tahap sederhana di mana Nisbah Semasa kurang daripada 2:1. Ini menunjukkan aset semasa Syarikat masih berupaya menampung keseluruhan liabiliti semasanya sahaja. Kedudukan ini bertambah baik berbanding kedudukan kewangan tahun 2011 dan 2010.

## **b. Margin Keuntungan**

Margin Keuntungan menggambarkan pencapaian operasi, risiko dan kesan *leverage*. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan sebelum cukai Syarikat pada tahun 2010 dan 2011 adalah sangat rendah. Bagaimanapun, pada tahun 2012 Nisbah keuntungan Syarikat meningkat dengan ketara kepada 68.1% berbanding tahun 2011 dan 2010 sebanyak 3.4% dan 2.7%. Peningkatan ini disebabkan penurunan kos langsung sebanyak 82.3% bagi projek sedang dan telah siap dilaksanakan iaitu kepada RM1.13 juta berbanding RM6.39 juta pada tahun 2011. Prestasi ini menunjukkan peningkatan keuntungan Syarikat pada tahun 2012. Ini menunjukkan aktiviti urus niaga dan keupayaan Syarikat dalam menjana keuntungan didapati semakin berkesan.

## **c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh Syarikat daripada pelaburan asetnya, iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap Syarikat mengurus asetnya. Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat berada pada tahap kurang memuaskan. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset pada tahun 2010 dan 2011 adalah 0.04:1 berbanding 0.17:1 pada tahun 2012.

## **d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal Syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap Syarikat mengurus modalnya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan atas ekuiti pada tahun 2012 meningkat pada kadar 35.1% atau 35 sen bagi setiap ringgit modal yang digunakan berbanding tahun 2011 dan 2010 masing-masing pada kadar 15 sen atau 14.7% dan 27 sen atau 26.6%. Berdasarkan nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa Syarikat telah menunjukkan sedikit peningkatan dari segi keupayaan untuk menguruskan modal yang dilaburkan dengan cekap bagi memperoleh pulangan yang munasabah pada tahun 2012. Selain itu, nilai ekuiti Syarikat pada tahun 2012 juga turut meningkat kepada RM2.30 sesaham berbanding RM1.50 dan RM1.30 sesaham pada tahun 2011 dan 2010.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Syarikat pada tahun 2012 adalah baik kerana mencatatkan Margin Keuntungan Bersih Sebelum Cukai pada kadar 68.1% berbanding 3.4% dan 2.7% pada tahun 2011 dan 2010.**

## **2.4.2. Pengurusan Aktiviti**

**2.4.2.1.** Aktiviti utama Syarikat adalah melaksanakan projek pembinaan. Syarikat bergantung sepenuhnya kepada pendapatan daripada projek yang berjaya ditender. Semasa pengauditan dijalankan, tiada sebarang aktiviti dijalankan untuk menjana pendapatan Syarikat. Perbelanjaan pengurusan semasa Syarikat dibiayai daripada sumber pendapatan tahun lalu. Pendapatan Syarikat pada 31 Disember 2012 daripada projek pembinaan yang telah dan sedang dilaksanakan berjumlah RM2.31 juta manakala kos jualan berjumlah RM1.16 juta. Bahagian Teknikal bertanggungjawab mengurus projek pembinaan yang ditawarkan kepada Syarikat. Bahagian ini diurus oleh 3 orang pegawai, seorang Pengurus, seorang Penyelia Projek dan seorang Penyelia Tapak.

### **a. Trend Pendapatan**

Penyumbang utama pendapatan Syarikat diperoleh daripada projek siap dan yang sedang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati prestasi pendapatan Syarikat menunjukkan penurunan dari tahun 2010 hingga 2012. Penurunan hasil pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 berjumlah RM4.69 juta atau 67.0%. Semakan Audit mendapati faktor utama penurunan pendapatan ini disebabkan ketiadaan projek baru. Sebahagian besar pendapatan tahun 2011 dan 2012 berpunca daripada tender projek yang diperoleh dari tahun 2010 dan sebelumnya. Kedudukan pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Hasil Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Jenis Pendapatan	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Projek Siap	4,185,886	669,281	1,580,161
Projek Sedang Dilaksanakan	9,622,335	6,336,428	731,249
<b>Jumlah</b>	<b>13,808,221</b>	<b>7,005,709</b>	<b>2,311,410</b>

Sumber: Rekod Kewangan Syarikat

### **b. Kontrak Tender**

- i. Syarikat bergantung sepenuhnya daripada pendapatan yang dijana menerusi pelaksanaan projek pembinaan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Syarikat telah membida sebanyak 22 pelawaan tender yang dibuat secara tender terbuka, iaitu 14 pada tahun 2010 dan masing-masing 4 pada tahun 2011 dan 2012. Kesemua tender tersebut dibuat dengan menggunakan khidmat Juruperunding yang menyediakan sebutharga. Semakan Audit mendapati Syarikat berjaya memperoleh 3 atau 13.6% daripada 22 tender yang dibida dengan keseluruhan nilai projek berjumlah RM6.42 juta. Syarikat memaklumkan, kegagalan mendapatkan kontrak disebabkan harga yang ditawarkan tidak kompetitif dan lebih tinggi berbanding harga tawaran kontraktor lain. Sejak tahun 2011 sehingga bulan Jun 2013, Syarikat tidak berjaya memperoleh sebarang projek pembinaan baru untuk dilaksanakan.

ii. Dua daripada 3 projek yang berjaya diperoleh Syarikat iaitu projek Membina Struktur Baru 2,000 Tan Pozzolan Silo Untuk Negeri Sembilan Cement Industries Sdn. Bhd., Perlis Plant, Chuping, Perlis (Kontrak 1) bernilai RM0.48 juta dan projek Pindaan Dan Tambahan Kilang 3 Tingkat Sedia Ada, Kawasan Perindustrian Bayan Lepas Fasa 4, Pulau Pinang (Kontrak 2) bernilai RM5.82 juta. Projek-projek ini dilaksanakan oleh sub kontraktor yang dilantik. Kadar komisen yang diperoleh adalah sebanyak 6% dan 4.5% daripada harga kontrak. Manakala bagi satu projek lagi iaitu projek Membina Bilik MCC, Compressor Dan Transformer Pozzolan Cement Untuk Negeri Sembilan Cement Industries Sdn. Bhd., Perlis Plant yang bernilai RM0.11 juta, Syarikat telah melantik sub kontraktor hanya untuk membekal buruh dan peralatan sahaja. Semakan Audit mendapati Kontrak 1 dan Kontrak 2 yang dilaksanakan oleh sub kontraktor telah lewat disiapkan antara 28 hingga 135 hari manakala yang dijalankan sendiri oleh Syarikat lewat selama 14 hari dari tarikh siap asal.

**c. Aktiviti Penternakan Ayam Kampung, Jualan Baju Secara Atas Talian Dan Tanaman Nanas**

Syarikat menerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2011 yang diadakan pada 14 Februari 2011 telah meluluskan peruntukan sejumlah RM100,000 untuk melibatkan diri dalam aktiviti penanaman nanas dan penternakan ayam kampung. Tujuannya adalah untuk menjana pendapatan tambahan kepada Syarikat. Syarikat didapati telah menjalankan aktiviti penternakan ayam kampung dan jualan baju secara atas talian manakala penanaman nanas tidak dijalankan. Berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2011 dan 2012, penternakan ayam kampung telah menyebabkan Syarikat menanggung kerugian berjumlah RM36,469 manakala bagi aktiviti jualan baju secara atas talian berjumlah RM381. Pada akhir tahun 2012, Lembaga Pengarah telah mengarahkan supaya kedua-dua aktiviti tersebut diberhentikan. Prestasi aktiviti penternakan ayam dan jualan baju secara atas talian adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Prestasi Aktiviti Penternakan Ayam Dan Jualan Baju Secara Atas Talian**  
**Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Aktiviti	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
<b>Pendapatan</b>			
Penternakan Ayam Kampung	-	69,581	25,475
Jualan Baju Secara Atas Talian	-	1,219	1,380
<b>Kos</b>			
Penternakan Ayam Kampung	-	99,264	32,261
Jualan Baju Secara Atas Talian	-	1,875	1,105
<b>Keuntungan / (Kerugian)</b>			
<b>Penternakan Ayam Kampung</b>	-	<b>(29,683)</b>	<b>(6,786)</b>
<b>Jualan Baju Secara Atas Talian</b>	-	<b>(656)</b>	<b>275</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

**d. Prestasi Keuntungan Aktiviti**

- i. Prestasi keuntungan aktiviti Syarikat bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**

**Prestasi Keuntungan Aktiviti Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Aktiviti	Tahun Kewangan								
	2010			2011			2012		
	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Prestasi (%)	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Prestasi (%)	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Prestasi (%)
Pembinaan, Penternakan Dan Jualan Baju Secara Dalam Talian	0.85	0.35	41.2	0.72	0.22	30.6	0.69	0.79	114.5

Sumber: Penyata Kewangan, Bajet Tahunan Dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat

- ii. Analisis Audit mendapati prestasi keuntungan sebenar bagi keseluruhan aktiviti Syarikat pada tahun 2012 berjumlah RM0.79 juta, peningkatan sebanyak 14.5% daripada sasaran ditetapkan yang berjumlah RM0.69 juta. Manakala keuntungan sebenar bagi keseluruhan aktiviti pada tahun 2011 berjumlah RM0.22 juta dan pada tahun 2010 berjumlah RM0.35 juta, tidak mencapai sasaran keuntungan ditetapkan. Walaupun prestasi keuntungan aktiviti tahun 2012 meningkat sebanyak 14.5% berbanding tahun 2011, semakan Audit mendapati pendapatan yang diperoleh adalah daripada projek yang dilaksanakan pada tahun 2010 dan sebelumnya. Prestasi keuntungan dijangka menurun pada tahun berikutnya memandangkan Syarikat tidak berjaya memperoleh projek baru. Kesannya, Syarikat berkemungkinan akan menanggung risiko kerugian pada tahun 2013 dan seterusnya.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah memuaskan.**

#### **2.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Syarikat dikehendaki mematuhi Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Selain itu, syarikat Kerajaan juga dikehendaki mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan/Agensi Kerajaan yang berkaitan. Sebagai penambahbaikan terhadap prestasi dan amalan terbaik syarikat Kerajaan, Program Transformasi GLC (*Goverment Link Companies*) telah dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai dasar dan garis panduan untuk diguna pakai oleh syarikat Kerajaan bagi menyediakan persekitaran untuk meningkatkan prestasinya. Aspek utama yang dinilai semasa menjalankan pengauditan ini adalah seperti berikut:

#### **2.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja**

Garis Panduan dan Prosedur Kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh Syarikat. Ia bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian serta dijadikan asas rujukan pegawai dan kakitangan Syarikat. Semakan Audit mendapati, sejak ditubuhkan Syarikat tidak menyediakan SOP dan proses kerja untuk dijadikan rujukan pegawai dalam urusan pentadbiran dan juga kewangan. Sepanjang tempoh tersebut, pelaksanaan operasi harian Syarikat adalah mengikut amalan terdahulu. *Financial Operating Procedures* (FOP) ada disediakan dan diterima pakai mulai bulan Disember 2012 setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 28 Disember 2012 dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Bil. 3/2012. FOP tersebut mengandungi peraturan dan prosedur berhubung kewangan, perakaunan dan juga tender. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 September 2013, Syarikat sedang dalam proses membuat penambahbaikan terhadap FOP. Untuk penyediaan SOP, pihak pengurusan Syarikat sedang dalam perbincangan dengan pihak Perbadanan untuk menyediakan proses kerja dalam urusan pentadbiran.**

#### **2.4.3.2. Pelantikan Pengerusi**

Manual Transformasi GLC - Buku Hijau tidak menggalakkan Pengerusi Syarikat mempunyai kuasa eksekutif dan campur tangan dalam operasi Syarikat. Selain itu, tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah ditentukan dengan jelas dan bertulis. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menetapkan secara khusus dan jelas peranan serta tanggungjawab Pengerusi Syarikat. Penetapan secara khusus bertujuan memastikan terdapat imbalan kuasa supaya tiada seorang individu pun memiliki kuasa mutlak dalam membuat keputusan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 September 2013, pelantikan Pengerusi dibuat oleh Perbadanan dan Kerajaan Negeri. Pihak Pengurusan Syarikat akan berbincang dengan Perbadanan berhubung peranan dan tanggungjawab Pengerusi selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat.**

#### **2.4.3.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara bersama bagi semua keputusan Lembaga dan semua kegiatan Syarikat. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah hadir dan mengambil bahagian dalam perbincangan mesyuarat Lembaga. Ketidakhadiran seseorang Ahli atau kegagalan seseorang Ahli mengambil bahagian di dalam perbincangan mesyuarat Lembaga tidak melepaskan Ahli itu daripada bertanggungjawab terhadap semua keputusan yang dibuat dalam mesyuarat. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 hingga 2012, Lembaga Pengarah Syarikat telah bermesyuarat sebanyak 3 kali setahun. Kehadiran bermesyuarat Ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan.

#### **2.4.3.4. Mesyuarat Agung**

Seksyen 143 Akta Syarikat 1965 menghendaki Syarikat mengadakan Mesyuarat Agung pada setiap tahun dan tidak lebih dari 15 bulan selepas mengadakan Mesyuarat Agung yang lepas. Bagaimanapun, Syarikat boleh memohon daripada Pendaftar Syarikat untuk melanjutkan tempoh mengadakan Mesyuarat Agung atas alasan tertentu. Keingkaran mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan akan dikenakan penalti sebanyak RM5,000 manakala penalti ingkar sebanyak RM100. Selain itu, Seksyen 42 Memorandum dan Seksyen Penubuhan Syarikat juga menghendaki Mesyuarat Agung diadakan selaras dengan kehendak peruntukan dalam Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati Seksyen 143 Akta Syarikat 1965 telah dipatuhi oleh Syarikat. Syarikat telah mengadakan Mesyuarat Agung setiap tahun.

#### **2.4.3.5. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham**

Berdasarkan Artikel 98 Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat, Syarikat boleh mengumumkan pembayaran dividen dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah mengikut jumlah yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menjelaskan Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Dividen Oleh Syarikat-Syarikat Kerajaan, dikeluarkan bertujuan mengadakan garis panduan mengenai bayaran dividen kepada Kerajaan sebagai pemegang saham oleh Syarikat-syarikat Kerajaan. Semakan Audit mendapati pada tahun kewangan 2011 Syarikat telah membayar dividen interim sebanyak 3.6% dikecualikan cukai berjumlah RM20,000 kepada Perbadanan manakala pada tahun 2010 sebanyak 5.3% berjumlah RM30,000. Kadar dividen telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Cadangan pembayaran dividen kepada Perbadanan bagi tahun kewangan 2012 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2013 pada 14 Mac 2013 berjumlah RM15,000. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 September 2013, Syarikat berhasrat untuk membayar dividen sebanyak 10% sebagai pulangan modal kepada Perbadanan. Bagaimanapun, pembayaran dividen hanya dibuat setelah meneliti kemampuan kewangan Syarikat. Dalam bajet tahun 2014, Syarikat menetapkan matlamat untuk membayar dividen sebanyak 10% sebagai pulangan modal kepada Perbadanan.**

#### **2.4.3.6. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam**

Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah penting bagi memantau penggunaan sumber kewangan Syarikat supaya diurus dengan cekap dan berkesan untuk memenuhi objektif korporat dan sosial. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk memastikan peruntukan statutori seperti yang diwajibkan oleh Akta Syarikat 1965 sentiasa dipatuhi sepenuhnya dan dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali dalam tempoh 3 bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Pengurusinya. Semakan Audit mendapati, Syarikat tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan juga Unit Audit Dalam kerana Unit Audit Dalam Perbadanan telah diberi peranan untuk menjalankan

pengauditan terhadap semua anak syarikat milik Perbadanan. Sejak Syarikat ditubuhkan, Unit Audit Dalam Perbadanan telah menjalankan pengauditannya sekali iaitu pada tahun 2012. Semua penemuan Audit telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Perbadanan.

#### **2.4.3.7. Kawalan Bajet**

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan Syarikat mempunyai dasar dan peraturan kewangan serta perakaunan yang sempurna dan telah diluluskan mengikut undang-undang dan peraturan lain bagi mengurus pendapatan dan perbelanjaan serta aset Syarikat. Syarikat dikehendaki menyedia dan mengemukakan bajet untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan Perbadanan dengan membentangkan sepenuhnya keperluan perbelanjaan serta menyatakan punca kewangan sama ada daripada pendapatan sendiri atau dari punca-punca lain yang akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan yang dicadangkan. Syarikat dikehendaki menyediakan bajet tahunan untuk kelulusan Lembaga Pengarah dan seterusnya Perbadanan sebelum tahun pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati, bajet tahun 2010 telah lewat dibentang dan diluluskan iaitu pada 11 Februari 2010 dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2010. Bajet tahun 2011 dan 2012 telah dibentang dan diluluskan masing-masing pada 13 Disember 2010 dan 22 November 2011. Bagaimanapun, bajet tersebut tidak dibentangkan kepada Perbadanan untuk kelulusan. Semakan Audit juga mendapati, format penyediaan bajet bagi tahun 2010 tidak dibuat dengan jelas bagi menunjukkan seberapa tepat yang boleh punca pendapatan yang dijangka akan diterima dan akan dibelanjakan pada tahun kewangan berkenaan manakala bajet tahun 2011 tidak diserah kepada pihak Audit. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 September 2013, untuk tahun kewangan 2011 dan 2012, pembentangan bajet telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Syarikat. Bagaimanapun, keputusan daripada Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 13 Disember 2010 dan 22 November 2011 tersebut tidak dibentang kepada Perbadanan oleh Setiausaha Lembaga Pengarah Syarikat untuk kelulusan. Pihak Syarikat juga tidak dimaklumkan berhubung keperluan pembentangan bajet dalam mesyuarat Perbadanan. Berkenaan bajet tahun 2010, Bahagian Kewangan Syarikat masih kurang pengalaman tentang format penyediaan bajet. Bagi bajet tahun 2014, Syarikat telah menggunakan pakai format Perbadanan dan bajet tersebut akan dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat dan Perbadanan sebelum 31 Disember 2013.**

#### **2.4.3.8. Penghutang**

Pihak pengurusan bertanggungjawab memastikan supaya wang yang patut diterima oleh Syarikat dikutip tepat pada waktunya, dijaga dengan selamat dan diakaun dengan betul. Kawalan terhadap Penghutang hendaklah dilaksanakan dengan sewajarnya dengan mengadakan polisi serta peraturan berkaitan penjualan kredit. Sehubungan dengan itu, Syarikat disaran supaya mengambil tindakan sewajarnya terhadap penghutang selaras

dengan peraturan dan undang-undang bagi memastikan setiap penghutang menjelaskan hutang mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelak kerugian. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2011 Syarikat ada membuat hapuskira hutang lapuk bagi projek Padang Melangit dan projek CIMA yang berjumlah RM0.12 juta. Semakan Audit juga mendapati, hapuskira hutang lapuk tersebut dibuat sebelum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 6 September 2013, hapuskira hutang lapuk bagi projek Padang Melangit dan projek CIMA berjumlah RM0.12 juta dibuat berdasarkan kepada keputusan perbincangan antara Pengarah Urusan dan pihak Juruaudit Syarikat. Pihak Syarikat mengambil tindakan untuk memaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah berhubung hapuskira hutang lapuk tersebut dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang akan datang untuk kelulusan.**

#### 2.4.3.9. Pembelian Hartanah/Aset Tetap Oleh Syarikat

- a. Seksyen 132C, Akta Syarikat 1965 menghendaki sesuatu transaksi/urusniaga yang mempunyai nilai besar dan akan memberi kesan besar terhadap aliran wang tunai dan keuntungan tahunan Syarikat, memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah dan pemegang saham majoriti di dalam Mesyuarat Agung, tanpa mengira peruntukan di dalam Memorandum Dan Artikel Penubuhan Syarikat. Sehubungan dengan itu, Pengarah Syarikat adalah dilarang menguatkuasakan sebarang transaksi untuk memperoleh aku janji atau harta bernilai tinggi dan pelupusan sebahagian besar aku janji atau harta syarikat, kecuali transaksi tersebut telah diluluskan oleh Syarikat dalam Mesyuarat Agungnya. Semakan Audit mendapati Syarikat ada membuat urusniaga seperti berikut:
  - i. Pada tahun 2010 Syarikat telah membuat pembelian sebuah rumah kedai di Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya bernilai RM542,300 daripada pihak Perbadanan dengan pembayaran deposit sejumlah RM54,230;
  - ii. Pada tahun 2012, Syarikat telah menerima pembiayaan Bai Bithaman Ajil-i daripada Bank Islam (M) Berhad berjumlah RM468,000 untuk pembayaran baki pembelian rumah kedai. *Base Financing Rate (BFR)* sebanyak 2.1% setahun manakala BFR semasa adalah 6.60%. Kadar bayaran bulanan adalah sebanyak RM2,961;
  - iii. Pada tahun 2011 Syarikat telah membuat pembelian tanah di Lot 867, Mukim Sena, Perlis dengan harga tawaran sejumlah RM120,000; dan
  - iv. Pada tahun 2011 Syarikat membuat hapuskira hutang lapuk bagi projek Padang Melangit dan CIMA yang berjumlah RM124,256.
- b. Kelulusan hanya diperoleh di peringkat Lembaga Pengarah Syarikat tanpa melalui Perbadanan dalam Mesyuarat Agung seperti ditetapkan. **Berdasarkan maklum**

**balas bertarikh 6 September 2013, pengurusan Syarikat tidak dimaklumkan berhubung keperluan memperoleh kelulusan di peringkat Perbadanan dan Mesyuarat Agung untuk urusniaga seperti di atas. Mulai tahun 2013, pihak pengurusan Syarikat akan memastikan semua transaksi yang bernilai besar mendapat kelulusan di peringkat pemegang saham majoriti dalam Mesyuarat Agungnya.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat dan kawalan dalaman Syarikat adalah kurang memuaskan.

## **2.5. SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Syarikat adalah baik manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Bagi mempertingkatkan tahap pencapaian pengurusan Syarikat, adalah disyorkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Syarikat mengambil tindakan seperti berikut:

**2.5.1.** Mempelbagaikan aktiviti yang dapat meningkatkan pendapatan dan seterusnya keuntungan Syarikat.

**2.5.2.** Memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik.

**2.5.3.** Mengemas kini prosedur kerja meliputi pengurusan kewangan selaras dengan peraturan yang ditetapkan bagi mengurus pendapatan dan perbelanjaan serta aset semasa dengan lebih teratur dan mengikut peraturan.



---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Jabatan/Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu terus memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan.

### **JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**  
**31 Januari 2014**







---

**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**  
NO. 15, ARAS 1-5  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)